

**Ahli Perniagaan Didakwa Menipu NFC RM1.755 Juta
Bernama
30 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Ahli perniagaan Datuk Shamsubahrin Ismail Jumaat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan menipu pengarah syarikat National Feedlot Corporation (NFC), Datuk Dr Mohamad Salleh Ismail, membabitkan jumlah RM1.755 juta.

Beliau membuat pengakuan itu ketika pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Ahmad Zamzani Mohd Zain petang ini.

Ahmad Zamzani membenarkan Shamsubahrin, 45, dari Bukit Jelutong, Shah Alam, diikat jamin sebanyak RM300,000 dengan seorang penjamin dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

Beliau menetapkan 31 Jan depan untuk sebutan semula kes.

Bagi pertuduhan pertama, Shamsubahrin didakwa menipu Mohamad Salleh iaitu dengan sengaja menjanjikan suatu perkhidmatan rundingan dan nasihat bertujuan memperdayakannya sehingga mendorong Mohamad Salleh bersetuju membayar wang perkhidmatan kepadanya.

Terdahulu, Ketua Unit Pendakwaan Suruhanjaya Pecegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Abdul Razak Musa memohon jaminan RM300,000 dan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah kerana jaminan itu adalah munasabah dengan pertuduhan yang melibatkan penyerahan wang RM1.755 juta.

Beliau berkata tertuduh masih dikehendaki polis dalam siasatan berhubung beberapa kes lain.

Peguam J Rao yang mewakili Shamsubahrin, memohon jaminan yang munasabah dengan alasan wang jaminan hanya untuk memastikan tertuduh hadir ke mahkamah.

Beliau membantah syarat tambahan yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan.

"Anak guam saya mempunyai empat anak berusia antara tiga dan 18 tahun dan dalam hal ini kesemua aset anak guam saya turut dibekukan. Oleh itu, mahkamah perlu mempertimbangkan jumlah jaminan yang ditetapkan oleh pendakwaan," katanya.

Shamsubahrin gagal menjelaskan wang jaminan itu kerana kaunter pembayaran telah ditutup dan dia dihantar ke Penjara Sungai Buloh.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637295>

